

KTS Plantation komited bantu pelajar

Oleh ALFRED PETRUS

► Tingkat pengetahuan dalam pengurusan hutan simpan

UB 25.10.2017
KOTA KINABALU: KTS Plantation Sdn Bhd sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan hutan lestari di Hutan Simpan Segaliud Lokan.

Pengurus Operasi Kawasan Sabah KTS Plantation Sdn Bhd Collin Goh berkata syarikat berkenaan menumpukan perhatian kepada pertumbuhan dan keselamatan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan sosial.

Bagi meningkatkan usaha pemuliharaannya,

amalan hutan lestari dalam pengurusan Hutan Simpan Segaliud Lokan sebagai usaha menjadi syarikat pertama di Malaysia mencapai Program Pengesahan Pensijilan Hutan (PEFC).

Katanya pengurusan hutan yang diamalkan di Ladang KTS telah disokong oleh pelbagai skim pensijilan seperti Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pensijilan Pengurusan Hutan (Hutan Asli) dan EMS ISO14001.

KTS Plantation adalah unit pengurusan hutan (FMU) swasta pertama yang secara

“KTS Plantation Sdn Bhd mempunyai logistik yang baik untuk pelajar menjalankan bukan sahaja latihan industri tetapi juga kajian dalam bidang perhutanan. Oleh itu, kami memberi tajaan kepada dua pelajar Ijazah Sarjana Fakulti Sains dan Sumber Alam (Kompleks Perhutanan) UMS untuk membantu mereka melancarkan lagi kerja lapangan mereka.”

COLLIN GOH

Pengurus Operasi Kawasan Sabah KTS Plantation Sdn Bhd

beliau berkata kerjasama penyelidikan diwujudkan melalui satu memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Jabatan Perhutanan Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan KTS Plantation tahun lepas.

Antara program kerjasama adalah tinjauan hidupan liar dan penilaian pemulihan hutan.

Collin berkata KTS Plantation menyediakan geran untuk pelajar Ijazah Sarjana UMS melakukan penyelidikan di Hutan Simpan Segaliud Lokan.

“KTS Plantation Sdn Bhd mempunyai logistik yang baik untuk pelajar menjalankan bukan sahaja latihan industri tetapi juga kajian dalam bidang perhutanan.

“Oleh itu, kami memberi tajaan kepada dua pelajar Ijazah Sarjana Fakulti Sains dan Sumber Alam (Kompleks Perhutanan) UMS untuk membantu mereka melancarkan lagi kerja lapangan mereka.


“Selain itu, kami juga menyediakan bantuan dari segi tenaga dan kepakaran untuk memudahkan mereka bergerak dalam hutansimpan ini,” katanya pada Seminar Heart Of Borneo (HOB) di sini pada Selasa.

Melalui usaha pemuliharaan KTS Plantation, beliau berkata kajian UMS mendapati spesies hidupan liar masih berada di Hutan Simpan Segaliud Lokan.

Collin berkata KTS Plantation mengamalkan

sukarela telah melaksanakan Pembalakan Kurang Impak (RIL) secara sukarela sejak 1998 di kawasan Perladangan Perindustrian (ITP) dengan objektif untuk mengurangkan kerosakan Pokok Tanaman Berpotensi (PCT), memelihara habitat flora dan fauna termasuk pemeruapan karbon semasa dan selepas pembalakan.

Beliau berkata KTS Plantation juga bekerjasama



MUSA (dua kiri) bersama Kee (kanan), Lee (dua kanan) dan Collin (kiri).

dengan UMS dan Jabatan Perhutanan Sabah untuk mendapatkan kepakaran serta idea bagi membantu mereka menambah baik lagi sistem pengurusan hutan yang sedia ada.

“Pusat Penyelidikan Hutan Jabatan Perhutanan Sabah ini dapat membantu kami dalam pengurusan dan menyediakan latihan kepada kakitangan kami.

“Ini adalah objektif KTS

Plantation bersama HOB untuk terus maju dan berjaya membantu pelajar membuat kajian di sini,” katanya.

Menurutnya tajaan berkenaan adalah kali pertama KTS Plantation berikan kepada pelajar.

Collin berkata mereka juga akan bekerjasama dengan UMS dalam gabungan geran kajian sektor berkenaan.

“Akan ada lagi yang akan datang yang mana kami

mempunyai gabungan geran bersama UMS bermula tahun hadapan di mana, KTS Plantation menyalurkan sebanyak RM130,000 untuk dua tahun projek dan RM120,000 daripada UMS.

“Perjanjian ini akan ditandatangani sebelum 2018,” katanya sambil menjelaskan semua usaha itu adalah sebagai komitmen pengurusan atasan KTS Plantation

agar kakitangannya dapat menjalankan kerja dengan lebih baik dan teratur.

Sementara itu, Kee, 25, yang berasal dari Johor berkata dengan tajaan itu, dia mampu membantu KTS Plantation mendapatkan pensijilan perhutanan lain melalui kajiannya.

Dia yang mengkaji Corak Aktiviti Harimau Dahan di Sabah mampu membuktikan bahawa aktiviti yang dijalankan oleh KTS Plantation itu masih memulihara habitat harimau dahan di kawasan berkenaan.

“Dapatan kajian ini untuk pensijilan perhutanan, KTS Plantation boleh membuktikan bahawa hidupan liar masih berada dalam kawasan berkenaan.

“Ini kerana, harimau dahan adalah spesies yang jarang dijumpai dan jika habitat ini masih berada di Hutan Simpan Segaliud Lokan dengan aktif, maka pengurusan perhutanan mereka adalah terbaik.

“Pada ketika ini, saya membuat kaji selidik tempat di mana kebiasaannya harimau dahan ini berada,” katanya.

Dalam beberapa beberapa bulan menjalankan kajian di Hutan Simpan Segaliud Lokan, dia pernah ditemukan dengan habitat harimau dahan.

Selain mendapatkan pensijilan perhutanan, kajian itu juga mampu membawa KTS Plantation ke arah ekopelancongan.

“Pada masa akan datang, kajian corak aktiviti harimau

dahan ini boleh diguna pakai oleh KTS Plantation sebagai ekopelancongan mereka.

“Data-data yang diperoleh boleh mewujudkan aktiviti safari pada waktu malam di kawasan berkenaan. Ia juga digunakan untuk mengetahui masa harimau dahan ini aktif atau mudah dilihat,” jelasnya.


Lee, 25, yang menjalankan kajian kesan daripada Pembalakan Kurang Impak (RIL) terhadap habitat burung di kawasan pembalakan Sabah berkata kajiannya mampu menunjukkan bahawa aktiviti pembalakan oleh KTS Plantation juga tidak mengganggu habitat unggas di hutan itu.

“Saya mahu kaji apakah jenis burung yang terdapat dalam kawasan pembalakan ini sebelum menggunakan sistem RIL. Kita juga akan melihat impak penggunaan sistem penuaian lain terhadap habitat burung,” katanya.

Jelasnya pemerolehan datanya menunjukkan apabila menggunakan sistem RIL dalam pembalakan, ia boleh mengurangkan kesan terhadap habitat burung.

“Sistem RIL ini dilihat boleh mengurangkan kesan lebih kurang 28 peratus berbanding cara penuaian lain. Ia juga memperlihatkan potensi habitat burung di kawasan pembalakan selepas aktiviti penuaian,” katanya.

Pada seminar itu, Ketua Menteri Tan Sri Musa Haji Aman sempat menyaksikan penyerahan tajaan kepada Kee dan Lee ketika melawat tapak pameran KTS Plantation.



COLLIN (kiri) menyerahkan tajaan RM3,000 kepada Lee (kanan) sambil diperhatikan oleh Musa (dua kiri).